

18 Ogos 2023

Kenyataan Media

PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN KENDERAAN PINTU KE PINTU DENGAN VAN BERGERAK PUSPAKOM DI KOTA SAMARAHAN, KUCHING DAN KOTA KINABALU

Shah Alam, 18 Ogos 2023 – Pelanggan akan dapat menikmati perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu tanpa perlu pergi ke pusat pemeriksaan apabila PUSPAKOM memperluaskan perkhidmatan van bergerak di sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah bermula 4 September 2023 dan di sekitar daerah Kota Samarahan serta Kuching bermula 11 September 2023.

Pekhidmatan dari pintu ke pintu ini lebih menyenangkan dan menjimatkan masa pelanggan untuk urusan pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM kerana ia boleh dilakukan di rumah, pejabat dan mana-mana lokasi pilihan pelanggan. Sebagai permulaan, perkhidmatan van bergerak akan menawarkan perkhidmatannya sekitar 50 kilometer radius dari PUSPAKOM Kota Samarahan dan Kota Kinabalu dan akan meluaskan liputan perkhidmatan secara berperingkat.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail, perkhidmatan van bergerak ini merupakan fokus utama syarikat untuk terus meningkat dan memperluaskan perkhidmatan PUSPAKOM di Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, "PUSPAKOM komited memberikan pengalaman pelanggan yang terbaik dari segi kualiti, kepakaran dan kelengkapan peralatan. Kami ingin memastikan perkhidmatan PUSPAKOM yang ditawarkan di kawasan-kawasan tersebut serupa dengan yang terdapat di Semenanjung Malaysia, termasuklah pemeriksaan bergerak".

"Komitmen kami terhadap pelanggan di Sabah dan Sarawak dapat dilihat dengan wujudnya cawangan baharu PUSPAKOM di Kota Samarahan yang telah mula beroperasi pada 1 Ogos lalu. Cawangan ini mampu menjalankan pemeriksaan berskala besar iaitu sehingga 500 kenderaan sehari berbanding dengan cawangan lama kami di Kuching yang hanya menjalankan 400 kenderaan sahaja sehari," ujar Shukor lagi.

Jenis pemeriksaan yang ditawarkan oleh unit van bergerak PUSPAKOM termasuklah Pemeriksaan Tukar Milik dan Pemeriksaan Khas untuk pemindahan nombor pendaftaran kenderaan, cukai jalan tamat tempoh, kenderaan import baru atau terpakai untuk pendaftaran kenderaan dan lain-lain lagi.

Caj perkhidmatan van bergerak ditetapkan sebanyak RM100 untuk jarak sekitar 50 kilometer pertama dan kadar fi pemeriksaan adalah berdasarkan jenis pemeriksaan yang akan dijalankan. Orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan van bergerak boleh membuat janji temu di laman web www.mypuspakom.com.my bermula 21 Ogos 2023.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.puspakom.com.my atau ikuti media sosial Facebook Puspakom Sdn Bhd, TikTok @puspakomofficial dan Instagram [puspakom_ontheroad](https://www.instagram.com/puspakom_ontheroad) untuk maklumat terkini.

#



PUSPAKOM

Your Safety, Our Priority

Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

Gambar

Perkhidmatan Van Bergerak

PUSPAKOM

"Tak payah guna runner, jom ramai-ramai panggil PUSPAKOM datang rumah!"

Perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu melalui van bergerak PUSPAKOM akan menawarkan Pemeriksaan Tukar Milik dan Pemeriksaan Khas!

- Kota Kinabalu beroperasi mulai 4 September 2023
- Kota Samarahan/Kuching beroperasi mulai 11 September 2023

Slot temujanji pemeriksaan boleh dibuat bermula 21 Ogos 2023

Jom buat temujanji di www.mypuspakom.com.my atau hubungi **03-5101 7000** untuk sebarang pertanyaan.

Ahli Kumpulan
DRB-HICOM